

Keselamatan anak tugas keluarga

Oleh ABDUL SAMAD ABDUL HAKIM

U.N.M 15/01/07 M/S 11

NEGARA sekali lagi digemparkan dengan kes penculikan kanak-kanak. Episod malang kali ini melanda keluarga Mohd. Nashar dan Suraya Ahmad. Anak pasangan ini Sharlinie hilang dipercayai diculik oleh penjenayah yang semakin rakus. Kes yang bukan pertama kali tetapi sudah semakin kerap terjadi ini terus menarik perhatian semua pihak.

Sehingga kini pihak polis dan dibantu oleh pelbagai pihak yang prihatin masih gagal menjejaki Sharlinie.

Kesedaran masyarakat untuk meringkatkan beban dan tekanan ibu bapa Sharlinie harus dipuji. Isu di sini ialah memastikan tahap keselamatan anak baik di mana saja mereka berada.

Ia tidak boleh lepas daripada kawalan ibu bapa. Malang yang bakal mengundang tidak pernah memberi sebarang isyarat atau petanda. Tiba-tiba saja ia berlaku, meskipun ia berada di depan mata kita.

Keselamatan anak perlu dijadikan tunjang kepada disiplin berkeluarga. Hal ini menjadi inti pati kepada tugas-tugas ibu bapa yang lain. Jika keselamatan terjamin, maka ia akan memudahkan tugas-tugas yang lain seperti memberi pendidikan.

Tetapi dalam kesibukan ibu bapa bekerja, kadang-kadang ada yang terlepas pandang. Kita membiarkan anak-anak leka di kawasan taman permainan, sedangkan kita keletihan dan tertidur di atas sofa.

Semua orang boleh dikatakan berada dalam situasi sedemikian. Kecuali golongan yang punya kekuatan ekonomi, mereka boleh menggaji orang lain untuk menjalankan tugas pengawasan anak-anak.

Tindakan segera perlu diambil dan ia tidak boleh dilengah-lengahkan. Kita tidak mahu keputusan untuk mengatasi isu keselamatan kanak-kanak akan membebankan orang lain pula.

Tanggungjawab menjamin keselamatan kanak-kanak tidak patut dialihkan kepada orang lain. Mereka juga menanggung beban yang sedia ada dan mungkin tidak terjangkau tangan.

Selepas ini mungkin isu sekolah satu sesi akan kedengaran semula. Kanak-kanak akan berada di sekolah dari awal pagi hinggalah ke petang iaitu semasa ibu bapa pulang dari kerja.

Semasa di sekolah, sudah pasti kanak-kanak akan menjadi 'anak' kepada guru-guru. Guru akan menerima satu lagi tugas iaitu menjaga kanak-kanak dalam kawasan sekolah.

Walau apa pun tindakan yang akan diambil, elakkan beban yang timbul diserahkan kepada orang lain untuk memikulnya.

Cari punca dan dapatkan kaedah terbaik untuk melihat isu keselamatan kanak-kanak ini supaya tidak berlarutan sehingga mendatangkan kerisauan di kalangan ibu bapa dan masyarakat.